



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

Setiap Ringgit Cukai Adalah Amanah Rakyat

6 Ogos 2026

1. PUTRAJAYA - Setiap ringgit cukai yang dibayar oleh rakyat merupakan amanah yang mesti dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk perkhidmatan yang lebih baik.
2. Atas prinsip itu, Jabatan Wilayah Persekutuan menerusi Perbadanan Putrajaya (PPj) terus menggalakkan pematuhan cukai taksiran dan mempertingkatkan mutu pengurusan skim pembangunan berstrata di Putrajaya.
3. Pembayaran cukai bukan sekadar memenuhi tanggungjawab sebagai pemilik harta. Hasil yang dikutip membolehkan PPj menyediakan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti. Pada masa yang sama, pengurusan strata yang cekap membantu mewujudkan persekitaran kediaman yang lebih selamat, bersih dan kondusif.
4. Seramai 2,585 pemilik harta layak menyertai Cabutan Bertuah Cukai Taksiran 2025 berbanding 2,231 pemilik pada tahun sebelumnya. Sebagai penghargaan, PPj meningkatkan jumlah hadiah daripada 70 kepada 100 hadiah wang tunai dengan nilai keseluruhan RM62,500.
5. Namun, cabutan bertuah bukan matlamat utama. Kejayaan sebenar ialah apabila semakin ramai pemilik harta menunaikan tanggungjawab mereka dan hasil yang dikutip diterjemahkan kepada perkhidmatan yang memberi manfaat kepada warga Putrajaya.
6. Tanggungjawab yang sama turut dituntut dalam pengurusan skim pembangunan berstrata.
7. Daripada 29 skim strata yang dinilai, lima skim berjaya memperoleh penarafan empat bintang dan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM5,000 berserta sijil. Penilaian merangkumi aspek pengurusan, kewangan, penyenggaraan bangunan, keselamatan, pengurusan risiko dan amalan rendah karbon melalui sistem ODESI eCOB.

8. PPj turut memperkenalkan Anugerah Khas Peningkatan Prestasi dengan hadiah wang tunai sebanyak RM1,000 kepada skim yang mencatat peningkatan prestasi paling memberangsangkan berbanding tahun sebelumnya.
9. Pada tahun ini, tiada skim strata memperoleh penarafan lima bintang. Penarafan lima bintang bukan diberikan secara automatik. Ia mesti diperoleh melalui prestasi sebenar. Standard tidak boleh direndahkan semata-mata untuk menghasilkan lebih ramai pemenang.
10. Saya berharap pengiktirafan ini mendorong lebih ramai pemilik harta, Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan untuk terus memperkukuh tadbir urus, meningkatkan mutu penyenggaraan dan mengurus skim strata secara lebih profesional.
11. Kepercayaan rakyat tidak dibina melalui slogan tetapi melalui bukti bahawa setiap ringgit yang dibayar diurus dengan amanah dan dikembalikan dalam bentuk perkhidmatan yang berkualiti.

HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

